

☒ Harian Metro
☐ Metro Ahad
Tarikh: 15/6/2012
Hari: JUMMAD M/S: 15
Ruangan: METROPLUS



DORONGAN...mahasiswa UUM membantu murid UPSR memasang roket.

Mahasiswa UUM bantu murid UPSR

ALOR SETAR: Seramai 24 mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) turun padang mengadakan Program Inspirasi Minda Cemerlang Adik Cemerlang di Sekolah Kebangsaan (SK) Telaga Mas, Pokok Sena, dekat sini, baru-baru ini.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM, Amer Izzudin Abdul Rashid, berkata program selama tiga hari dua malam itu memupuk semangat kepada 60 murid sekolah itu menduduki Ujian Penilaian Se-

kolah Rendah (UPSR) tidak lama lagi.

Katanya, program itu dianjurkan kali kedua UUM bersama murid SK Telaga Mas dan program itu ternyata selepas lima murid mendapat 5A sekali gus menaikkan peratus kelulusan sekolah itu daripada 60.2 peratus kepada 62.8 peratus tahun lalu.

"Sekolah ini anak angkat kepada UUM dan walaupun sekolah itu ialah sekolah luar bandar, tetapi sejak ada hubungan dengan UUM sudah

ada kejayaan dicapai murid sekolah ini," katanya di sini, baru-baru ini.

Amer Izzudin berkata, selain memupuk semangat dan mencurahkan pengalaman mahasiswa kepada mereka, murid juga diberi motivasi keyakinan diri serta jati diri bagi menempuh alam belia tidak lama lagi.

Katanya, murid diberi penekanan belajar awal sebelum menghadapi peperiksaan dan membuktikan kemiskinan bukan penghalang mencapai kejayaan.